



# KENYATAAN MEDIA

## Media Release

Untuk siaran segera

### **LHDNM PUNYA KUASA DAKWA PESALAH CUKAI**

**Kes Kang Keng Tee & Ooi Lay See v Pendakwa Raya**

**Mahkamah Rayuan, Putrajaya, Malaysia**

**No. Rayuan Jenayah : P09-112-2010**

**Hujahan & Keputusan : 18 Julai 2012**

Putrajaya, 18 Julai – Mahkamah Rayuan Putrajaya hari ini memutuskan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mempunyai kuasa untuk meneruskan tindakan pendakwaan bagi semua kes-kes jenayah di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Mahkamah Rayuan yang dianggotai oleh panel Hakim Y.A. Dato' Nihumala Segara a/l M.K Pillay, Y.A. Dato' Azhar @ Izhar Bin Haji Ma'ah dan Y.A. Datuk Lim Yee Lan telah sebulat suara mengenyahkan rayuan Perayu/OKS-OKS dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang sebelum ini. Mahkamah bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa keizinan daripada Pendakwa Raya untuk memulakan dan mengendalikan kes-kes jenayah oleh pihak LHDNM telah sedia ada. Perkara ini telah disahkan oleh pihak Jabatan Peguam Negara melalui surat bertarikh 04.04.2008.

Perayu di dalam kes ini, Kang Keng Tee & Ooi Lay See (“OKS-OKS”) telah didakwa di bawah seksyen 114(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP”) atas kesalahan pelarian cukai dengan sengaja. Semasa kes disebut di Mahkamah Majistret pada 12.03.2010, Peguam OKS telah membangkitkan isu sanksi dan Mahkamah Majistret memutuskan untuk merujuk kes ini ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang memutuskan bahawa pihak LHDNM mempunyai kuasa untuk memulakan kes jenayah dan mengembalikan kes ini ke Mahkamah Majistret untuk dibicarakan. Peguam OKS telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan dan rayuan di dengar dan diputuskan pada 18/7/2012.

Keputusan Mahkamah Rayuan pada hari ini berbeza dengan keputusan Mahkamah Rayuan pada 28.06.2012 di dalam kes Khaw Siang Hee & 3 yang lain lwn Pendakwa Raya, berhubung isu yang sama di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa Pihak LHDNM tidak boleh meneruskan tindakan pendakwaan kerana tidak memperolehi sanksi (keizinan) daripada Pendakwa Raya.

Responden/LHDNM diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Tuan Awang Armadajaya Bin Awang Mahmud dan Perayu/OKS-OKS di wakili oleh En Vijayaretnam.

Dengan keputusan ini LHDNM ingin menasihatkan semua pembayar cukai agar patuh dengan segala peraturan serta peruntukan yang termaktub dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta-Akta lain yang ditadbir oleh LHDNM. Kegagalan mereka untuk mematuhi Akta yang telah ditetapkan boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan perundangan. Tindakan sedemikian bukan sahaja akan menyukarkan pembayar cukai sendiri malah memberikan kesusahan kepada banyak pihak termasuklah banyak masa dan kos yang perlu dibelanjakan untuk penyelesaian kes tersebut.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**# # #**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim</b> <b>Pegawai Perhubungan Awam</b> <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>18 Julai 2012</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 8888 samb: 21326 / 21327</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 7836</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b>

**[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**